

Kerajaan baru Persekutuan dibentuk jam 12.50 pagi

BH - 22/3/2004, pg. 1, 2

BN rampas Terengganu

Oleh Wartawan BH

KUALA LUMPUR: Barisan Nasional (BN) merampas semula Terengganu serta memberi saingan sengit di Kelantan, selain menyaksikan ramai tokoh pembangkang kecundang, dalam pilihan raya umum ke-11.

Gabungan 14 parti komponen pimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu membentuk kerajaan pada jam 12.50 pagi ini apabila ia menguasai 110 daripada 219 kerusi Parlimen.

Selain BN berjaya menubuhkan kerajaan di semua negeri kecuali Kelantan dengan majoriti dua pertiga dan prestasi Pas merosot teruk, pilihan raya kali ini bagaimanapun menyaksikan kemenangan semula DAP di beberapa kawasan tradisinya.

Pas bukan saja kalah teruk di Terengganu, malah sebahagian besar pemimpin kanannya tewas. Setakat jam 1.25 pagi, Pas hanya menang satu kerusi Parlimen iaitu di Kubang Kerian dan tiga kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Terengganu.

DAP pula memenangi lapan kerusi Parlimen, kebanyakannya di Pulau Pinang, Perak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan satu lagi dimenangi oleh calon Bebas.

Abdullah, yang pertama kali mengetuai BN menghadapi pilihan raya umum, mengekalkan kerusi Parlimen Kepala Batas untuk kali ketujuh dengan mencatat majoriti 18,122 undi, menewaskan Abdul Khalid Rashid (Pas). Perdana Menteri memperoleh 25,403 undi manakala pencabarnya itu mendapat 7,281 undi.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pula berjaya mempertahankan kerusi Parlimen Pekan dengan majoriti 10,339 undi, menewaskan calon Pas, Brig Jen (B) Datuk Zakaria Dahlan.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang kalah di Parlimen Marang kepada musuh tradisi, Datuk Abdul Rahman Bakar. Hadi, yang kali kedua tewas kepada Rahman bagaimanapun kekal di DUN Rhu Rendang.

Selain kejutan di Terengganu dan prestasi lebih baik di Kelantan, BN juga mendahului Pas di Kedah dan melenyapkan impian Pas untuk menawan Perlis. Di Kedah BN menang 13 kerusi DUN dan dua Pas, manakala BN menyapu bersih semua tiga kerusi Parlimen dan 14 kerusi DUN di Perlis.

Timbalan Ketua Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh yang dinamakan sebagai



ABDULLAH dan Najib meraikan kejayaan BN menubuhkan kerajaan baru selepas menang dengan cemerlang Pilihan Raya Umum ke-11 awal pagi ini bersama Datin Seri Endon Mahmood dan Datin Seri Rosmah Mansor, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. - Gambar oleh Rosli Rahmat